

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 122

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian terhadap bantuan atau biasiswa kepada rakyat Malaysia yang ingin menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi, iaitu Doktor Falsafah (Ph.D) dan Ijazah Sarjana memandangkan selepas ketiadaan MyBrain15.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada masa ini menguruskan dua (2) jenis program tajaan Biasiswa untuk orang awam iaitu:

1. Biasiswa MyBrain15; dan
2. Biasiswa MyBrainSc.

Program Biasiswa MyBrain15 ditawarkan untuk pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran dalam pelbagai bidang di universiti awam (UA) dalam negara manakala tajaan Biasiswa MyBrainSc adalah difokuskan untuk bidang Sains Tulen sahaja (Fizik, Matematik, Kimia dan Biologi) bagi pelbagai peringkat pengajian dari Ijazah Pertama hingga Ijazah Kedoktoran (Ph.D) di universiti dalam dan luar negara.

Walaupun tawaran baharu program MyBrain15 pada masa ini terpaksa ditangguhkan akibat kekangan kewangan negara, namun Kementerian

NO. SOALAN: 122

masih meneruskan pembiayaan sejumlah 1,606 orang pelajar MyBrain15 yang masih aktif sehingga tamat tempoh penajaan pada tahun 2023.

Manakala tawaran baharu Program MyBrainSc yang memfokuskan bidang Sains Tulen masih diteruskan seperti biasa dan Kementerian telah selesai melaksanakan penawaran pada Februari 2019 bagi sesi pengajian September 2019. Kedua-dua program MyBrain ini diperkenalkan sebagai subset kecil untuk menyokong sasaran melahirkan 60,000 orang pemegang Ph.D warganegara Malaysia menjelang tahun 2025 seperti yang digariskan di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Kementerian juga masih membuka peluang kepada orang awam yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian dengan meneruskan pemberian *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) kepada semua Universiti Awam di Malaysia, dan melalui pemberian geran penyelidikan ini ia dilihat mampu melahirkan pemegang Sarjana dan Ph.D secara bersasar yang lebih berkualiti khususnya pelajar yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penyelidikan di UA.

Selain daripada itu, melalui kaedah pemberian geran penyelidikan seperti ini juga pihak UA mampu memantau secara langsung perkembangan pengajian pelajar agar bakal graduan yang dihasilkan berkualiti tinggi dan mematuhi tempoh pengajian seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran universiti (*Graduate onTime*).

Selain daripada pelaksanaan kedua-dua program MyBrain dan pemberian geran penyelidikan dalam membantu melahirkan lebih ramai mahasiswa berkelulusan Sarjana dan Ph.D, KPM juga masih meneruskan pemberian Biasiswa dan tajaan untuk 30 program tajaan Biasiswa dalam perkhidmatan di bawah Kementerian untuk melahirkan lebih ramai pemegang Sarjana dan Ph.D daripada kalangan guru, pensyarah Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Matrikulasi dan UA seluruh negara dalam memenuhi keperluan perkhidmatan di KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHANG MING KAI
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 123

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapa harga belian racun seperti Akara (500g), Akess (300g), Rumputox (1kg) dan Nativo (250g) oleh MADA Corp dan NAFAS lebih mahal daripada harga pasaran dan beberapa tunggakan hutang kepada pembekal yang masih belum dijelaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membekalkan racun kepada pesawah melalui Kontrak Pembekalan Racun Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dengan kelayakan sebanyak RM200.00/hektar dengan senarai racun yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Dasar MOA. Pesanan dikeluarkan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) selepas banciaan dibuat setiap musim; yang mana PPK bertindak sebagai stokis.

Harga bekalan di antara NAFAS dan pembekal adalah hasil daripada rundingan harga antara kedua-dua pihak dan margin urusan adalah rahsia perniagaan. NAFAS juga menyalurkan 70% daripada margin urusan kepada PPK (stokis) bagi menampung kos pengedaran input berkenaan. Ianya membantu kerajaan menjimatkan kos pengurusan.

Akara dan Akess adalah produk yang dibekalkan oleh MADA Corp; Rumputox pula dibekalkan oleh Agriculture Chemical Malaysia Sdn Bhd (ACM) manakala Nativo dibekalkan oleh Bayer.

Berdasarkan perakuan pembekal, harga produk yang dibekalkan kepada kerajaan dan pasaran terbuka adalah sepertimana berikut:

Bil	Produk	Pembekal	Harga Belian (RM)	Harga Kontrak (RM)	Harga Pasaran (RM)
1	Akara (500g)	MADA Corp	84.55	93.00	98.00
2	Akess (300g)	MADA Corp	75.45	83.00	88.00
3	Rumputox (1kg)	ACM	16.90	18.30	18.30
4	Nativo (250g)	Bayer	118.50	135.00	146.00

Oleh yang sedemikian, pernyataan yang menyebutkan bahawa harga belian racun seperti Akara (500g), Akess (300g), Rumputox (1kg) dan Nativo (250g) oleh MADA Corp dan NAFAS lebih mahal daripada harga pasaran adalah kurang tepat berdasarkan semakan yang dibuat oleh Kementerian ini seperti yang dinyatakan sebentar tadi.

Kementerian tidak mempunyai sebarang maklumat berhubung tunggakan bayaran kepada pembekal kerana hal sedemikian adalah merupakan urusan perniagaan antara NAFAS dan pembekal. Walau bagaimanapun Kementerian telah menyalurkan peruntukan yang mencukupi bagi tujuan pembekalan racun tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD

TARIKH : 3 JULAI 2019

RUJUKAN : 11639

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kadar kematian akibat bunuh diri mengikut pola umur dan jantina pada tahun 2018.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 63 kes kematian akibat bunuh diri telah dilaporkan pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, 2 kes merupakan individu berumur bawah 18 tahun dengan pecahan seorang lelaki dan seorang perempuan. Manakala bagi kes bunuh diri melibatkan individu berumur 18 tahun ke atas pula, sebanyak 61 kes telah dilaporkan yang melibatkan 50 orang lelaki dan 11 orang adalah perempuan.